



Seminar Manuskrip Islam

1-2 Mac, 2004
Pusat Persidangan Antarabangsa
Negara Brunei Darussalam



Tema
**MANUSKRIP ISLAM:
KEPENTINGAN DAN PENYEBARAN**

*Penulisan Manuskrip Melayu-Islam:
Tatakaedah Dan Kepentingannya Dalam
Masyarakat Melayu Nusantara*

Oleh:
Prof. Madya Dr. Mahayudin Bin Hj Yahaya

Anjuran:
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Kelolaan:
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri

Tempat:
Dewan Persidangan Utama
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Negara Brunei Darussalam.

**PENULISAN MANUSKRIP MELAYU-ISLAM:
TATAKAEDAH, PERMASALAHAN DAN KEPENTINGANNYA
DALAM MASYARAKAT MELAYU NUSANTARA**

oleh
PROF MADYA DR MAHAYUDIN HJ YAHAYA
Jabatan Bahasa Arab
Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien
Universiti Brunei Darussalam

Pendahuluan:

Masyarakat Melayu Nusantara sebagai salah sebuah masyarakat terbesar di dunia telah memperlihatkan keunggulannya dalam bidang kebudayaan dan intelektual. Keunggulan mereka dalam bidang tersebut berpunca dari ajaran agama Islam itu sendiri. Agama Islam telah memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah orang Melayu sejak zaman silam. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian terhadap manuskrip-manuskrip lama yang dihasilkan oleh para ilmuan tempatan.

Kajian terhadap manuskrip Melayu-Islam (MI) telah dimulakan sejak abad ke-16M. lagi oleh sarjana-sarjana dari Belanda. Kemudiannya diikuti oleh Inggeris dan sarjana-sarjana lain di Eropah. Pada abad berikutnya manuskrip-manuskrip tersebut mula dikatalogkan dan disimpan direpositori dan perpustakaan di seluruh dunia sehingga sampai ke kemuncaknya pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Sejak itu bidang kajian terhadap manuskrip Melayu-Islam telah mendapat sambutan meluas bukan sahaja di kalangan para sarjana Eropah tetapi juga para sarjana tempatan. Mereka telah melakukan kajian semula dan telah menemukan bahan-bahan baru dengan data-

data baru yang lebih konkrit. Walaupun bilangan manuskrip Islam agak kecil berbanding dengan bidang-bidang lain seperti hikayat dan sastera Melayu, tetapi kajian tentang manuskrip Islam telah mendapat tempat dan perhatian yang lebih istimewa di kalangan pengkaji manuskrip Melayu. Berdasarkan katalog Ph.S.van Ronkel (1908), *Catalogue der Maleische handchriften van het Koninklijk Institut voor de taal-land-en Colkenkunde van Nederlandsch-Indie* BKI 60; dan *Supplement* (1921) mencatatkan jumlah manuskrip Melayu di Leiden sebanyak 1145 buah. Dari jumlah itu hanya 145 buah sahaja dikategorikan sebagai manuskrip Islam. (mengenai sejarah pengkatalogan manuskrip Melayu dan bilangannya, sila lihat Mahayudin Hj Yahaya, *Karya Kelasik Melayu-Islam*, DBP, 2000: 24-41). Manuskrip Islam dianggap penting ialah disebabkan oleh kerana bidang Islam merupakan bidang asas dalam pengkajian manuskrip Melayu. Sebahagian besar manuskrip-manuskrip Islam telah ditulis, disusun dan disalin dengan begitu rapi seolah-olah ia dikendalikan oleh para karyawan profesional.

Penulisan Manuskrip Melayu

Berbagai pendapat mengenai tarikh permulaan penulisan manuskrip Melayu. Pada umumnya mengatakan ia bermula sebelum abad ke-15M dan sampai ke kemuncaknya pada abad ke-17M. Ini disebabkan pada abad tersebut pencapain ilmu pengetahuan Islam di Nusantara telah sampai ke kemuncaknya (Asma bt. Ahmat, "*Malay Manuscripts: Tradition and Documentation*", Thesis M.A., School of Library, Archive and Information Studies, University College, London, Oct. 1986, hlm. 13). Ini berbeza dengan pendapat De Casparis yang mengatakan bahawa penulisan manuskrip Melayu

(Jawi) bermula pada tahun 1500M (awal abad ke-16M). Pendapat beliau hampir serupa dengan pendapat Johns (lihat A.H. Johns, "Genesis of a Modern Literature" dlm. McVey, Ruth T (ed.) *Indonesia*, New Haven: HRAF Press, 1963, hlm. 410). Sementara Ph. S. van Ronkel menjangkakan lebih lewat iaitu pada tahun 1600M (Ph. S. van Ronkel, "Account of Six Malay Manuscripts of the University Library, BKI, 6e, Volgr II, 1896). Pendapat Ronkel sudah pun ditolak oleh Syed Muhamad Naquib Al-Attas di dalam bukunya *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi* (University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1989). Manuskrip ini bertarikh 1590M. yakni pada akhir abad ke-16M.

Setelah ditinjau semula manuskrip-manuskrip Melayu di Eropah ternyata bahawa tarikh permulaan penulisan manuskrip Melayu adalah lebih awal dari tarikh-tarikh yang disebutkan di atas tadi. Di antara yang terawal ialah manuskrip yang tersimpan di perpustakaan Universitaatsbibliothek, Marburg, Jerman (L.S. Cod. H.) berjudul *Sharh al-'Awamil fi Bayan 'ilm al-Nahw*. Manuskrip yang berkaitan dengan nahu Arab ini ditulis dalam bahasa Melayu (Jawi). Menurut al-Toma, salah seorang pengkaji manuskrip Melayu di Jerman, manuskrip ini ditulis pada abad ke-13M. (Adnan Jawad al-Toma, *Die Arabishchen handschriften Der Universitatsbibliothek*, Marburg, Schriften der Universitatsbibliothek). Dalam usaha untuk menemukan manuskrip Melayu tertua di rantau ini suatu kajian khusus telah dilakukan oleh penulis sendiri di kawasan Tanoh Abee, Aceh Besar, Indonesia pada tahun 1991. Di antara banyak manuskrip yang dikaji didapati sebuah manuskrip berjudul *Bahr al-Lahut* karangan Abdullah 'Arif (hidup pada abad ke-12M) telah ditemui. Naskhah asal ditulis dalam bahasa Arab, setelah itu

diterjemahkan ke bahasa Melayu. Versi Arabnya didapati tidak lengkap dan masih tersimpan di perpustakaan Tanoh Abee, sementara versi terjemahannya dalam bahasa Melayu adalah lengkap yang ditemui kemudiannya di Kampung Pernu, Melaka, Malaysia. Kedua-dua versi tersebut tidak menyatakan tarikh ia dikarang/diterjemah. Namun begitu, pengarangnya, Abdullah `Arif tiba di rantau Asia Tenggara pada abad ke-12M. (lihat Mahayudin Hj Yahaya, "Bahr al-Lahut: Naskhah Melayu Mengenai Islam Abad ke-6H/12M dlm. Kobkua Suwannathat et. al (pnyt). *Dua Dekad Penyelidikan Sejarah Bahasa dan Kebudayaan*, Kumpulan Kertas Kerja 18 Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM, Bangi, 1992:149-158). Dijangkakan jarak masa antara tarikh ia dikarang dengan diterjemah tidak jauh disebabkan masyarakat Melayu pada waktu itu pada umumnya tidak memahami bahasa Arab, oleh itu terjemahan harus disegerakan bagi memahami isi kandungan kitab tersebut yang menyentuh soal akidah dan tasawuf

Baru-baru ini sewaktu penulis membuat kajian tentang manuskrip Melayu-Islam di perpustakaan *Royal Asiatic Society*, London, penulis telah menemui sebuah manuskrip Melayu-Islam bernombor Maxwell 49 yang mengandungi tiga fragmen: tatabahasa Arab, Hadis-hadis Nabi dan kitab *`Aqidah al-`Awam*. Di celah-celah fragmen itu terdapat halaman yang bertulis "*Bismillahi al-Rahmani al-Rahim, wabihi sa`yu `anhu, sanah 212H*". Sukar untuk dipastikan fragmen yang mana satu yang dimaksudkan dengan tahun 212H (818M), kerana halaman yang bertarikh 212H itu terpisah daripada fragmen-fragmen yang lainnya. Walau bagaimanapun, ia boleh dijadikan salah satu bukti yang menunjukkan tarikh penulisan manuskrip Melayu-Islam sudah bermula lebih awal dari tarikh-tarikh yang dijangkakan oleh para pengkaji manuskrip di atas.

Teknologi Penulisan Manuskrip Melayu

Dalam proses penghasilan sesebuah manuskrip sudah tentu memerlukan alat-alat tulis tertentu, termasuk kertas, dakwat dan pena. Sebelum ketadangan Islam ke Nusantara, alat-alat tulis tersebut kurang dikenali kerana catatan-catatan bertulis kebanyakannya dibuat di atas batu, daun kayu atau logam. Peralatannya adalah dari bahan-bahan yang tajam seperti pahat, pisau dan seumpamanya. Akan tetapi setelah ketibaan Islam para ulama khususnya orang Arab yang tiba di rantau ini telah memperkenalkan alat-alat tulis yang lebih moden dengan menggunakan nama-nama Arab seperti “kertas” (Arab: *qirtas*), “dakwat” (Arab: *dawat*), dan pena “kalam” (Arab: *qalam*).

Penggunaan Kertas, Dakwat dan Pena

Orang Arab sudah mengenali kertas sejak pertengahan abad ke-7M melalui Samarkand yang mengimport kertas secara langsung dari negeri China. Dari Samarkand dibawa pula ke kota Baghdad. Pada tahun 794M sebuah kilang kertas telah didirikan di kota Baghdad. Teknik membuat kertas telah dipertingkatkan oleh orang Islam sehingga mereka berjaya menghasilkan mutu kertas yang tinggi. Beberapa gred kertas telah dihasilkan: kertas tebal, sederhana dan nipis. Kertas nipis biasanya digunakan untuk surat-menyurat, dan kertas sederhana tebal dan tebal untuk menulis kitab (lihat Brian Stock, “Science, Technology, and Economic Progress in the Early Middle Ages”. Dlm. D. Lindberg (peny.) *Science in the Middle Ages*, 1978:13-14).

Seiring dengan teknologi membuat kertas, teknologi membuat dakwat turut diperhebatkan kerana tanpa dakwat sebarang hasil penulisan di atas kertas tidak boleh dilakukan. Dikatakan bahawa teknologi membuat dakwat sudah diketahui orang Arab sejak sebelum atau pada masa al-Quran diturunkan iaitu menerusi kaum pedagang dari Mesir. Ini dapat dibuktikan bahawa sebilangan para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. pada waktu itu sudah mahir menulis khat, diantaranya ialah Saiyidina Ali bin Abi Talib. Beliau dikatakan mihir dengan khat Kufi (V. Minorsky, *Calligraphers and Painters*, Washington, 1959: 54); Mahayudin Hj Yahaya, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, "Khatt", Jilid V (S-T): 1655-1662).

Daripada kenyataan di atas, kita boleh membuat andaian bahawa para pendakwah Arab yang tiba di rantau ini telah membawa bersama mereka alat-alat tulis seperti kertas dan dakwat bagi tujuan perniagaan atau membuat catatan/penulisan kitab. Selain negara Arab, terdapat beberapa negara lain termasuk Parsi, China, India dan Eropah yang membuat dan mengeksport kertas ke kawasan Nusantara. Walau bagaimanapun, ketibaan kertas yang diimport dari Eropah adalah lebih lewat. Menurut satu catatan bahawa bangsa Eropah yang mula-mula membawa kertas ke rantau ini ialah bangsa Sepanyol pada tahun 1521 M. Pigafetta, ketika menulis sejarah pengembaraan Magellan melaporkan bahawa kertas adalah di antara hadiah yang dibawanya untuk dipersembahkan kepada Sultan Brunei (lihat Asma bt. Ahmat, 1986: 16). Dengan ketibaan Inggeris pada abad ke-17M, kertas dijadikan bahan perdagangan penting yang dikendalikan oleh pedagang-pedagang dari syarikat *East India Company*. Walaupun kertas yang diimport dari Eropah pada ketika itu menjadi lebih popular, namun kertas

dari negeri-negeri lain seperti China, India dan Arab terus digunakan bagi menghasilkan manuskrip di Nusantara. Oleh itu kita dapat bahagikan kertas manuskrip Melayu kepada dua jenis: pertama “kertas Eropah” dan kedua “kertas timur” (dari negeri Arab/Parsi, China dan India).

Kertas Eropah biasanya lebih tebal dan bertanda tera/cap air (*watermark*). Di antara tera airnya ialah gambar “bulan sabit”. Gambar bulan sabit pada pandangan umum melambangkan Islam, akan tetapi ia digunakan pada kertas Eropah. Sudah pasti ini merupakan suatu perancangan dan helah perniagaan bertujuan untuk menarik perhatian para pelanggan dari negara-negara Islam, dan pada masa yang sama juga mereka boleh menyangka kertas itu adalah produk negara Islam.

Perbezaan lain ialah Kertas Eropah mengandungi lebih banyak bahan *acid* berbanding Kertas Timur. Dengan sebab itu kertas jenis Eropah kurang tahan berbanding Kertas Timur. Akan tetapi disebabkan penggunaan teknologi tinggi bagi pemeliharaan dan penjagaannya dengan menggunakan sistem awet di Eropah menyebabkan manuskrip kertas Eropah terus kekal dan terpelihara lebih daripada enam abad lamanya (jika diukur dari usia manuskrip abad ke-13 M.).

Pelbagai jenis dakwat yang telah digunakan dalam penulisan manuskrip Melayu: ada yang diimport dari luar dan ada juga produk tempatan. Yang diimport dari luar ialah dari negeri Arab, India dan China. Terdapat dua jenis dakwat yang digunakan, pertama dipanggil “dudu” dan kedua “hibr”. Dudu diperbuat dari habuk hitam (abu) yang dicampurkan dengan gam madu dan bahan-bahan lain. Sementara hibr pula diperbuat

dari tempurung kelapa yang dibakar. Tidak syak lagi bahawa dakwat jenis kedua ini dicipta oleh bangsa Arab dengan menggunakan bahan-bahan tempatan dan sering digunakan bagi tujuan penulisan manuskrip bagi menggantikan dakwat yang dibawa dari tanah Arab. Perkataan “hibr” adalah perkataan Arab yang membawa erti “dakwat”.

Sebelum ketibaan orang Arab dakwat diperbuat daripada jelaga damar atau arang kayu yang ditumbuk dan dicampurkan dengan gam dan madu. Dari segi teknologinya tidak berbeza dengan hibr (Asma bt. Ahmat, 1986:20). Di samping hibr dan dudu, dakwat dari negeri China turut digunakan dan menjadi popular di beberapa daerah di rantau ini. Misalnya penduduk di Moluccas pada tahun 1544 M telah menggunakan dakwat Cina. Dakwat Cina ditempatkan di dalam kotak kayu kecil. Keadaannya keras dan berwarna hitam. Sebelum digunakan mestilah dibancuh dengan air (lihat penjelasan lanjut dalam H.Jacobs, *A Treatise on the Moluccas (c.1544); probably the Preliminary version of Antonio Galvao's lost Historia das Molucas*, Rome: Jesuit Historical Institute, 1971: 123).

Perkataan pena atau *qalam* ada tercatat di dalam kitan suci al-Qur'an al-Karim (surah al-'Alaq: 4), yang bermaksud “(Allah) yang mengajar manusia menerusi pena atau qalam”. Ayat ini menjelaskan bahawa pena adalah salah satu alat pemindahan ilmu pengetahuan menerusi penulisan. Sebelum turunnya al-Qur'an, orang Arab pada umumnya memindahkan ilmu secara lisan atau dari mulut ke mulut. Ini adalah disebabkan mereka pada waktu itu buta huruf, yakni *ummi* (tidak pandai membaca dan menulis). Dengan turunnya ayat al-Qur'an itu tadi menyebabkan orang Arab lebih peka dan perihatin terhadap bidang pembelajaran dan penulisan. Dengan sebab itu juga kita

dapati rama ulama/pengarang kitab telah muncul pada zaman silam, khususnya setelah terbinanya kilang-kilang kertas di Asia Barat. Para mubaligh dan pendakwah Arab dan Parsi telah membawa bersama mereka kitab-kitab agama serta alat-alat tulis termasuk kertas, dakwat dan pena untuk mengajar orang Melayu menulis ayat-ayat al-Qur'an dan Hadis serta pengetahuan Islam yang lainnya. Maka dengan sebab itu lahirlah tradisi penulisan manuskrip dengan menggunakan pena, dakwat dan kertas. Tradisi menulis manuskrip hanya berakhir kira-kira pada separuh pertama abad ke-19 M setelah terciptanya mesin-mesin cetak di Batavia, Singapura, Melaka, dan Pulau Pinang.

Format Manuskrip Melayu-Islam

Pada dasarnya sesebuah manuskrip yang lengkap itu mestilah mengandungi nama pengarang/penyalin, judul/tajuk, tarikh ditulis/diterjemah, teks dan ilustrasi/hiasan. Akan tetapi hal ini berbeza sedikit dengan manuskrip Melayu-Islam yang dihasilkan di rantau ini. Sering kali manuskrip MI tidak menyatakan nama penulis, tarikh dikarang/disalin/diterjemah, dan ada kalanya tanpa judul atau tajuk. Hal ini menimbulkan masalah dan kerumitan kepada para pengkaji manuskrip.

Ulama Melayu silam kebanyakannya mengamalkan ajaran ilmu tasawuf. Di antara sifat-sifat ulama tasawuf ialah *zuhud*. Seorang yang bersifat *zuhud* memang tidak suka menonjol-nonjolkan diri atau mencari nama dan kemasyhuran. Sifat-sifat tersebut boleh membawa kepada sifat-sifat yang lebih keji iaitu riak dan takbur. Bagi mengelakkan sifat-sifat keji itu mereka sengaja menyembunyikan nama mereka di dalam penulisan. Sebagai ganti nama, mereka menggelar diri mereka "Faqir yang da'if" atau "*al-Faqir*"

sahaja. Jika terdapat nama penulis/pengarang pada manuskrip MI maka pada ghalibnya ia dibuat oleh penyalin atau penyuntingnya. Mereka ini pada kebiasaannya adalah anak murid kepada pengarang, atau kaum keluarganya atau sahabat dan taulannya. Jika penyalin yang membuatnya maka pada kebiasaannya ia menggunakan istilah “katib” dan dinyatakan diakhiran manuskrip, dan nama pengarangnya diletakkan dipermulaannya, seperti “*qala Abdullah qaddasallah ruhahu*”. Akan tetapi jika pemilik manuskrip yang membuatnya, maka nama pengarang dicatatkan di bahagian tepi atau luar manuskrip. Dalam kes-kes tertentu pengarang cuba mengaitkan namanya, tetapi secara tidak langsung iaitu dengan meminta pembaca merujuk kepada tulisannya yang terdahulu.

Mengenai judul atau tajuk manuskrip pada lazimnya dinyatakan dengan jelas di bahagian permulaan atau di akhirannya, dan ada kalanya tidak dinyatakan di mana-mana. Ini boleh jadi disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, kerana bahagian permulaan dan akhiran manuskrip hilang. Kedua, kerana kealpaan penyalin yang pada awalnya manuskrip itu bertajuk dan diketahui masyarakat umum pada zaman tersebut. Disebabkan perubahan masa dan proses penyalinan perkara tersebut telah diabaikan. Dalam kes ini para pengkaji manuskrip terpaksa menghadapi masalah bagi menentukan judul/tajuk manuskrip berkenaan. Ada ketikanya mereka terpaksa membuat judul baru yang sesuai dengan isi kandungannya. Berbeza dengan kes kehilangan nama pengarang, kerana ini boleh didapati menerusi karya-karyanya yang lain. Pada kebiasaannya pengarang menyebutkan nama-nama kitab karangannya sewaktu mengutarakan pendapatnya di dalam sesebuah kitab yang dikarangnya. Nur al-Din al-Raniri misalnya sering melakukan perkara seperti ini. Dalam kes tertentu manuskrip mempunyai dua judul: satu di dalam bahasa Arab dan satu lagi bahasa Melayu. Menurut kebiasaannya

manuskrip MI menggunakan judul dalam bahasa Arab. Oleh itu tidak syak lagi bahawa judul asalnya ialah dalam bahasa Arab, sementara judul dalam bahasa Melayu merupakan terjemahan yang dibuat oleh pnyalin manuskrip bagi memudahkan pembaca yang tidak memahami bahasa Arab.

Tarikh penulisan manuskrip juga boleh menimbulkan masalah. Didapati terlalu banyak manuskrip MI tanpa tarikh. Pada zaman dahulu kala aspek pentarikhan atau kronologi bagi masyarakat Melayu memang dianggap tidak penting. Daripada contoh-contoh manuskrip MI kesedaran terhadap kepentingan pentarikhan di dalam bidang penulisan manuskrip sememangnya tidak wujud – hinggakan karya yang berbentuk sejarah pun masih juga megabaikan aspek kronologi – walaupun ia merupakan asas dalam bidang persejarahan. Ada kalanya tarikh yang tertera pada manuskrip juga tidak boleh dipercayai seratus peratus tanpa mengambil kira beberapa pertimbangan selanjutnya iaitu mengenai sifat dalaman dan luaran manuskrip termasuk jenis kertas, tera air, jenis dakwat, bentuk tulisan (khat), stail bahasa, tarikh manuskrip dijilid dan banyak lagi pertimbangan lain yang perlu diambil perhatian sebelum menentukan tarikh sebenar manuskrip ditulis (keterangan lanjut lihat Mahayudin Hj Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam*, DBP, 2000: 14-24).

Penulis-penulis Melayu juga sering menggunakan sistem huruf bagi menentukan tarikh manuskrip. Dengan kata-kata lain, setiap huruf mempunyai nilai nombor. Misalnya, dalam kitab *Tahsil Nail al-Maram li Bayan Manzumah 'Aqidah al-'Awam* karangan Abu al-Fauz al-Marzuqi membrikan tarikh mengikut huruf. Di nyatakan di bahagian kolofon bahawa kitab ini bertarikh لى حى غر (ل=30, ي =10, ح =8, ي =10, jumlah

58 - ٤ = 1000, ٥ = 200 (jumlah keseluruhan 1258). Artinya kitab ini selesai dikarang pada tahun 1258H.

Teks Manuskrip

Ada pun teks manuskrip MI pada umumnya adalah mengikut format biasa mengandungi mukadimah, isi dan penutup. Di bahagian mukadimah dimulakan dengan *basmalah* berserta kata-kata pujian terhadap Allah dan Rasul-Nya; dan ada kalanya disertakan dengan doa. Aspek dokslogi Islam dalam penulisan sudah diamalkan sejak awal-awal lagi dan diikuti oleh penulis-penulis Melayu hingga ke hari ini. Selain dokslogi, perkara-perkara penting seperti tajuk kitab, isi kitab, bidang dan jenis kitab – terjemahan atau karya asli – dan maklumat ringkas tentang kitab turut dipaparkan di bahagian mukadimah. Oleh itu ramai pengkaji manuskrip Melayu, khususnya dalam bidang pengkatalogan dan pengdokumentasian memberikan tumpuan khusus kepada bahagian mukadimah dan penutup (kolofon). Tujuannya ialah untuk mendapatkan data ringkas manuskrip tanpa merujuk kepada teksnya. Dalam kes-kes tertentu kaedah ini boleh menimbulkan masalah dan menghasilkan maklumat yang salah. Sebagai contoh, kitab *Kasyf al-Muntazar*. Rata-rata mengatakan kitab ini karangan Abd al-Ra'uf bin Ali kerana namanya yang disebutkan di bahagian mukadimah. Akan tetapi setelah diteliti semula teksnya didapati pengarangnya yang sebenar ialah Burhan al-Din Malik Ibrahim bin Hasan Al-Kurani sementara Abd al-Ra'uf adalah penterjemah atau penyuntingnya sahaja.

Dari segi penyampaian teks terdapat dua cara: pertama dengan mengemukakan teks Arab (lazimnya menggunakan dakwat merah) dan diikuti terjemahan Melayu (dakwat hitam). Cara kedua, teksnya dalam bahasa Melayu (dakwat hitam). Perkataan “yakni” atau “mafhum” sering digunakan bagi menerangkan makna atau maksud ayat al-Quran dan hadis yang ditulis dalam bahasa Arab.

Masalah yang timbul berhubung teks ialah ketiadaan perengan dan tanda berhenti (titik atau koma). Keadaan ini lebih menyulitkan lagi kerana ketiadaan titik pada huruf. Misalnya huruf ب, ت, ث, خ, ض dan ي. Masalah ini timbul sewaktu memberi mana dan membuat transliterasi.

Bahagian penutup pada lazimnya mengandungi maklumat penting tentang manuskrip seperti judul manuskrip, nama pengarang/penterjemah/pemilik manuskrip, tarikh dikarang/disalin/diterjemah. Terdapat juga beberapa manuskrip yang merakamkan catatan yang berupa nasihat daripada pengarang kepada pembaca. Sebagai contoh, dalam kitab *al-Risalah* karangan Syihab al-Din al-Jawi. Beliau mengingatkan kepada pembaca bahawa “ilmu ini (tasawuf) haram dibicarakan orang yang tidak ahlinya. Maka jangan engkau zahirkan sama sekali. Maka inilah janji kamu hai *talib* (pembaca)”.

Hiasan dan Ilustrasi

Tradisi persuratan Melayu seperti yang digambarkan di dalam manuskrip MI tidak mengandungi ilustrasi atau gambar rajah. Namun begitu, minat dan kegemaran terhadap seni termasuk seni ukir, kaligrafi (khat) dan hiasan seperti yang terdapat pada sesetengah manuskrip MI tetap wujud. Bentuk kesenian yang terdapat pada manuskrip MI menggambarkan seni Islam seperti bingkai perhiasan di sekeliling teks yang pada

lazimnya diletakkan di permulaan dan akhiran teks. Bentuknya seakan-akan serupa dengan bingkai teks kitab al-Quran al-Karim. Gambar hiasan bingkai ini berupa daun dan bunga yang berwarna warni: merah, hijau, kuning dan hitam. Seni membuat bingkai kitab berasal dari tradisi orang Arab dan Parsi yang sudah berakar umbi sejak zaman berzaman.

Kesimpulan

Walaupun manuskrip MI agak kecil jumlahnya berbanding manuskrip Melayu lainnya, tetapi ia sudah cukup membuktikan keunggulannya dalam bidang persuratan Melayu dan telah berjaya membentuk jatidiri masyarakat Melayu. Kemunculan manuskrip MI telah memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam mencorakkan minda dan jiwa bangsa Melayu dalam bidang agama dan sosial; dan pada masa yang sama menandakan permulaan era baru dari segi sejarah ketamadunan dan keintelektualan masyarakat Melayu Nusantara yang berlandaskan ajaran Islam. Sebelum ketibaan Islam penyebaran ilmu pengetahuan di kalangan orang Melayu amatlah terbatas dan jika ada pun kebanyakannya melalui tradisi lisan dan bukan tulisan seperti yang berlaku pada zaman Islam.

Pengaruh agama Islam dan juga bahasa Arab dalam MI dapat dikesan dari bahagian pendahuluan hinggalah kepada isi dan penutupnya. Oleh itu dirasakan amat wajar jika sekiranya aspek keagamaan dan bahasa Arab diberikan perhatian khusus dalam bidang pengkajian manuskrip Melayu. Oleh kerana ajaran agama Islam dan bahasa Arab merupakan aspek penting dan faktor dominan di dalam manuskrip Melayu maka setiap

pengkaji MI seharusnya arif dalam kedua-dua bidang tersebut. Aspek aqidah menjadi tonggak dalam kehidupan orang Melayu. Ini dapat dibuktikan menerusi karya-karya yang mereka hasilkan. Setiap karya, walaupun bukan dalam jurusan keagamaan, didahulukan dengan menyebut nama Allah yang diungkapkan dalam "*basmalah*". Selain bidang aqidah MI turut memainkan peranan penting dalam bidang kehidupan masyarakat Islam bagi menggantikan cara hidup zaman Hindu/Buddha serta memberi kefahaman kepada masyarakat Melayu tentang ajaran Islam dalam pelbagai bidang bagi mencapai kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Di samping itu MI turut menyumbang secara langsung ke arah perkembangan bahasa dan sastera Melayu. Di atas kepentingan ini, pengkaji-pengkaji dari Barat turut melibatkan diri dalam penyelidikan manuskrip MI dan seterusnya menyimpan dan memeliharanya di negara mereka.

Dalam pada itu didapati ramai para pengkaji dari Barat kurang memahami ajaran Islam walaupun mereka pandai membaca tulisan Arab dan Jawi. Justeru, mereka sering membuat tanggapan dan kesimpulan yang salah terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan agama; mereka hampir keliru dan tidak dapat membezakan antara kebudayaan dan agama yang tertera dalam manuskrip Melayu. Bagi mengelakkan kekeliruan seperti ini maka dicadangkan supaya lebih ramai cendekiawan Islam melibatkan diri dalam penyelidikan manuskrip Melayu, khususnya MI dan menulis serta membuat penilaian semula ke atas MI yang telah dikaji oleh para orientalis Barat. Kajian dan penelitian semula ini harus dilakukan secara berterusan dan menyeluruh dalam bentuk "micro" bagi setiap bidang ilmu Islam. Setelah itu cantumkan menjadi sebuah "Ensiklopedia MI". Tujuannya ialah untuk memperbaiki dan memperbetulkan fakta dan interpretasi

tentang ajaran Islam yang selama ini telah banyak diselewengkan oleh penulis-penulis dari Barat atau golongan yang terpengaruh dengan mereka. Wallahu a`lam.

* Kertas kerja yang dibentangkan dlm Seminar Manuskrip Islam Koleksi Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassan al-Bolkiah pada bulan Mac 2004, Jabatan Mufti, Negara Brunei Darussalam.

Bibliografi

`Abdullah `Arif, *Bahr al-Lahut (Bahr al-dahut)*, versi Arab (Perpustakaan Kuno Zauyah Tgk. Chiek, Tanoh Abee, Aceh Besar); versi Melayu (kg. Pernu, Melaka).

Asma bt. Ahmat, "Malay Manuscripts: Tradition and Documentation", Thesis M.A., School of Library Archive and Information Studies, University College, London, October 1986.

Hans Overbeck, "Malay Manuscripts" JMBRAS, Vol. 4, 1926, hlm. 233-259.

Johns, Russel, About Malay Manuscripts: Seminar held in London, Archipel 20, 99-103.
-----The Origins of the Malay Manuscript Tradition, London, 1983.

"Lokasi dan Jumlah Manuskrip Melayu Yang Dapat Dikesan di seluruh Dunia"
Perpustakaan Negara Malaysia (t.t.)

Mahayudin Hj Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000.

-----*Naskhah Jawi: Sejarah dan Teks*, Jilid I, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.

Mohd Nor bin Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars*, Institute of the Southeast Asian Studies, Singapore 1983.

Ronkel, Ph. S. van, "Account of Six Malay Manuscripts of the Cambridge University Library", BKI, 6e, volgr II, hlm.1-53.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
مَنْ كَانَ فِي كِتَابِ اللَّهِ
تَمْرًا وَتَوَلَّى فِيهِ أُمَّةً مَوْلَانًا
مُهَيَّبًا رِيْقًا أُنْ سَطَلَهُ هَيَّبًا
مُوْتَمِينًا دُونَ كَافِرٍ دَلِيمٍ كَانِي عِيَّةً
يَتَلَاكَ رِيْقُ أُمَّةٍ وَتَسْبُحَاتُ سَطَلًا
مُهَيَّبَاتٌ مُوْتَمِينَاتٌ دَلِيمَاتٌ نَقَلَاتٌ
فِي هَيَّبَاتٍ أَلْفِيَّةٍ مَلِكِيَّةٍ كَلِمَاتٍ
عَرَبِيَّةٍ سَطَلِيَّةٍ سَطَلِيَّةٍ قَوْمِيَّةٍ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



هَذَا الْكِتَابُ يُسَمَّى بِحَرِّ اللَّاهُوتِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَخْبَدُ كَيْفَ الَّذِي خَلَقَ نُوْرَ مُحَمَّدٍ بِقَدْرِ تَبَوُّدِ وَالصَّلَاةِ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ حَسْبِهِ وَمُؤَيَّتِهِ وَأَمْرِهِ أَجْمَعِينَ أَمَا بَعْدُ فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ
 الْبَارِقُ قَدَّرَ اللَّهُ رُؤْعَهُ الْمَكْرِيْنَ فِي بَيَانِ الْغَائِبِ وَالشَّهَادَةِ
 عَنَّا فِي بَيَانِ الْحَقِّ وَبَيَانِ كِتَابِ وَسَمِيْنَاهُ بِحَرِّ اللَّاهُوتِ يَعْنِي
 ذِكْرَ وَدَوْلَةَ الْإِسْلَامِ لِيَنْصَحَ بِرَأْيِهِ سَمِيْنَاهُ لِأَنَّ لِيَوْمَ بَيَانَ الْعَظِيمِ
 مِنْ عَظَمَةِ اللَّهِ تَعَالَى لَا عُدُوْدَ وَلَا انْتِهَاءَ كُلِّ كَائِنٍ لَمْ يَكُنْ وَيَكُنْ
 لَمْ يَشْهَدْ ذَاتُ اللَّهِ تَعَالَى قَدِيمٌ لَا شَرِيكَ لَهُ يُذَاتُ اللَّهِ هَكَذَا إِلَى
 يَتَنَبَّأُ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَدِيمٌ الْوُجُوْدِ لَا حِسَابَ عَلَى أَنْتِهَاءِ
 إِيْعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى إِذْ لَمْ يَمْسُقْ لِمَكَانٍ وَلَا زَمَانَ وَلَا فَوْقَ وَلَا
 عَمَّا وَلَا يَمِيْنُ وَلَا يَمَاقِيلُ وَنُوْرٌ لَمْ يَكُنْ إِلَّا الْعَرْشُ وَالْكَرْبِيُّ
 وَسَمِيْنَاهُ سَمَوَاتٍ وَالْأَرْضِيْنَ وَكُلِّ أَهْلِهَا أَيْمَانًا يَخْلُقُ اللَّهُ مِنْ نَسُوْرٍ
 لِسَمِيْنَاهُ حَسْبِيْنَ الْفِ سَمِيْنَاهُ يَمِيْنِي عَلَى عَظَمَةِ اللَّهِ تَعَالَى وَإِنْ ذَاكَ
 مِنْ عَظَمَةِ سَمِيْنَاهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي عَظَمَةِ اللَّهِ تَعَالَى إِيْعْلَمُ أَنَّ
 يَمِيْنُ الْأَشْيَاءِ جَعَلَ اللَّهُ مِنْ نُوْرِ الْوَلَايَةِ إِيْعْلَمُ أَنَّ الْوَلَايَةَ وَالسُّبُوَّةَ
 هُنَّ عِصْمَةٌ لِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ الْبَائِلِينَ اسْمُ الْوَلَايَةِ

Halaman pertama kitab *Bahr al-Lahut* dalam bahasa Arab (diqetik dari *Hawash Abulillah Perkembangan Ilmu Islam di Tanah Melayu* dan *Tabah Tabah* di *Ummatun Ilmi* 11)

بحر الدّهوة
الكتاب في البيان الاليف

بسم الله الرحمن الرحيم
 الحمد لله الذي خلقنا من نور يقدر به الصلاة والسلام
 م علي محمد حبيبته وعلي اله وصحبه وامته والمسلمين
 والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات اجمعين برؤس كل
 اوجب بن بك الله فوهن يفامت موه فر منهاد يكن نور محمد
 صلى الله عليه وسلم ايت وجد يكن دهن فورتان دان رحمت الله
 تعالي ايت دان صلوة دان سلام من انس نبي محمد ايت يا ايت
 ككاسيه يفقر لي هفبرث دان انس كلور كات دان صحنك
 دان كلين او متن لابي دان فر مفران واما بقده قال النبي
 عبد الله دان اد فون كمرين در قدايت تله مر او يتكنا سبح
 عبد الله بف عارف الله تعالي قوس الله بوجه العزيز في
 بيان المقائب والشهادة فتنتظر في بيان الحق وتكتب
 كتاب وصصيته بحر الدّهوة بهوا اينله سواة رسلت فر مستا
 كن بار غفر غائب دان بار غفر بنات در فداين مك كتصوب
 اولهم در فداين حق تعالي ايت دان كمر مار علي كتاب
 اين دان كو نمائ الكندي بحر الدّهوة اربن بحر الداهوت ايت
 بلغ تبار ترهفكا الكندي دان تبار بر كسداهن الكندي دان بار غسان

Kitab Bahr al-Dahut (Bahr al-Lahut) terjemahan karangan
 Abdullah 'Arif (abad ke-12 M.) dari hlm. 7-16 yang dimasuk-
 kan dalam sebuah naskah nuzul 119, halaman 409-
 410.